



Institut Kefahaman Islam Malaysia • Institute of Islamic Understanding Malaysia • معهد الوعي الإسلامي الماليزي



إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

SALAM TAKZIAH

PROF. DATO' DR. MUHAMMAD NUR MANUTY

Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia

yang telah kembali ke Rahmatullah pada

26 JUN 2025

AL-FATIHAH

Daripada:

Ahli Lembaga Pengarah, Barisan Pengurusan
serta Warga Kerja Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)



BELASUNGKAWA TOKOH PEMIKIR ISLAM

IKIM mengabadikan jasa dan sumbangan Pengerusi,
Almarhum Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty dalam dunia pemikiran Islam.



MALAYSIA
MADANI



halaman 2



halaman 3

IKIM Terima Kunjungan
Ulama Tersohor Syria,
As-Syeikh Majd Makki



halaman 4

Pelancaran Pavilion Al-Falah &
Buku-buku Agensi Pengurusan
Hal Ehwal Agama @ PBAKL2025



halaman 10

YAB Perdana Menteri menerima
Deklarasi Cendekiawan
MADANI Malaysia-Indonesia
(MALINDO MADANI)

IKIM KEHILANGAN MURABBI & PEMIKIR ISLAM TERSOHOR: ALMARHUM PROF. DATO' DR. MUHAMMAD NUR MANUTY



Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil hadir memberi penghormatan terakhir di pusara Almarhum

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) berdukacita dengan pemergian Pengerusi, Almarhum Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty ke Rahmatullah pada 26 Jun 2025 bersamaan 29 Zulhijjah 1446H di Hospital Sultan Idris Shah, Serdang. Seluruh warga IKIM menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga Almarhum serta mendoakan agar roh beliau dicucuri rahmat Allah SWT dan ditempatkan dalam kalangan anbia, syuhada dan solihin.

Almarhum berusia 76 tahun dan dilantik sebagai Pengerusi IKIM pada 8 Mei 2023. Beliau merupakan tokoh pemikir Islam, aktivis dakwah, pendidik serta sarjana disegani yang meninggalkan jasa besar dalam dunia akademik, antaranya sebagai pensyarah kanan dan profesor di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta pernah menjawat jawatan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Dekan Pusat Pengajian Lanjutan dan Khidmat Masyarakat selepas berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau menamatkan pengajian di Kolej Islam Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta memperoleh Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang pemikiran Islam dan perbandingan agama di Temple University, Amerika Syarikat.

Selain dalam bidang akademik, Almarhum juga pernah berkhidmat sebagai Senator Dewan Negara (2015–2018), Ketua Majlis Istisyyari WADAH, mantan Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), serta Ahli Majlis Syura Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pemergian beliau merupakan satu kehilangan besar buat umat Islam, khususnya dalam bidang dakwah, pendidikan, pembangunan modal insan serta pemikiran Islam.



Almarhum bersama Ketua Pengarah menerima anugerah Buku Negara pada tahun 2023



Almarhum bersama Ketua Pengarah menghadap Seri Paduka Baginda Sultan Perak



Almarhum bersama Ketua Pengarah & Menteri Agama menyerahkan plak cenderahati dalam majlis *Letter of Intent* bersama Muslim World League

06 MEI — Timbalan Pengerusi IKIM, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof Haji Othman mewakili IKIM menandatangani Letter of Intent (LoI) bersama Imam Maturidi International Scientific Research Center di International Islamic Academy of Uzbekistan. Kerjasama bersempena sesi “*Interpretation of Universal Human Values in the Maturidi Doctrine*” ini bertujuan memperkukuh hubungan penyelidikan antarabangsa serta memperluas jaringan intelektual Islam berteraskan ajaran Maturidi.

06 MEI — Delegasi Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) diketuai Pn. Hariza Mohd Yusof telah mengadakan lawatan penanda aras ke IKIM dan disambut oleh Timbalan Ketua Pengarah, Dr. Mohd Zaidi Ismail. Lawatan ini bertujuan berkongsi pengetahuan serta menjalin kerjasama strategik dalam penerbitan ilmiah, pengurusan kandungan, dan pengukuhan peranan institusi dakwah berteraskan hikmah dan ilmu.

KUNJUNGAN HORMAT KE RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)



05 MEI — Delegasi IKIM diketuai Ketua Pengarah, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, mengadakan kunjungan hormat ke RTM bertemu Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia, Datuk Suhaimi Sulaiman, di Angkasapuri. Turut hadir ialah Pengarah Pusat Media, Tn. Hj. Fuad bin Mat Ali; Pengurus Besar Bahagian Ekonomi & Pemasaran, En. Al-Iskandar bin Mokhtar; Penerbit Rancangan Radio, Pn. Norhayati Paradi; serta pegawai-pegawai kanan IKIM. Pertemuan ini membincangkan potensi kerjasama dalam pengiklanan berteraskan Islam serta perkongsian pengalaman dalam penyiaran radio, televisyen, dan media baharu.

KUNJUNGAN HORMAT OLEH AS-SYEIKH MAJD MAKKI

16 MEI — IKIM menerima kunjungan rasmi ulama tersohor Syria dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah, As-Syeikh Majd Makki. Lawatan dimulakan dengan temu bual khas di Radio IKIMfm dalam slot “Inspirasi Pagi” membincangkan tajuk “Tafsir Al-Quran: Menyingkap Panduan Hidup Sepanjang Zaman” yang memberi pencerahan tentang kepentingan tadabur al-Quran. Seterusnya, beliau menghadiri sesi perbincangan bersama pimpinan tertinggi IKIM yang dihadiri oleh Timbalan Pengerusi, Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah serta Pengarah Kanan IKIM. Pertemuan ini membuka ruang kerjasama dalam penyebaran ilmu al-Quran dan al-Sunah serta memperkukuh hubungan ilmiah antara Malaysia dan tokoh ulama antarabangsa.



06 MEI — Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, menerima kunjungan hormat daripada Wakil Chinese Muslim Community (CMC), En. Shafiq Afandi di Bilik Mesyuarat Blok A, IKIM. Pertemuan ini menjadi platform perbincangan awal untuk mengukuhkan silaturahim dan meneroka potensi kerjasama strategik dalam memartabatkan kefahaman Islam dalam kalangan Muslim berbangsa Cina di Malaysia.

15 MEI — Program Pemeriksaan Kesihatan Jantung anjuran Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) IKIM dengan kerjasama Institut Jantung Negara (IJN) telah diadakan di Dewan Sajian, Blok D. Majlis dimulakan dengan ceramah kesedaran bertajuk “Sakit Jantung: Punca & Pencegahan” oleh Pakar Klinikal Kardiologi IJN, Dr. Fa'iz Mashood. Program ini memberi peluang warga kerja menjalani saringan kesihatan serta meningkatkan kesedaran tentang penjagaan jantung sebagai langkah pencegahan awal.

PELANCARAN BUKU BAHARU IKIM DI PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2025 (PBAKL2025)

24 MEI — Majlis Pelancaran Buku Baharu IKIM 2025 telah disempurnakan oleh Timbalan Pengerusi IKIM, Prof. Emeritus Dato' Dr. Hj. Mohd Yusof Hj. Othman di Pentas Utama PBAKL 2025, bersama Ketua Pengarah, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil. Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah, Dr. Mohd Zaidi Ismail serta Pengarah Kanan pusat penyelidikan IKIM. Sebanyak enam buku diterbitkan, termasuk tiga Siri Infografik Hifz Al-Mal, Islam: Kepimpinan & Strategi, Siri Soal Jawab Kefahaman Islam: Akidah & Pemikiran, dan Pertanian: Perspektif Islam, hasil karya karyawan dan cendekiawan IKIM.



PERASMIAN PAVILION AL-FALAH & PELANCARAN BUKU-BUKU BAHARU AGENSI HAL EHWAL AGAMA ISLAM DI PBAKL 2025



26 MEI — Majlis Perasmian Pavilion Al-Falah dan Pelancaran Buku-Buku Baharu Agensi Hal Ehwal Agama Islam sempena PBAKL 2025 telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naim Haji Mokhtar di Pentas Utama, WTCKL. Turut hadir Timbalan Menteri, YB Senator Dr. Zulkifli Hassan; Timbalan Pengerusi IKIM, Prof. Emeritus Dato' Dr. Hj. Mohd Yusof Hj. Othman; Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil; serta wakil agensi hal ehwal agama.

Sebanyak 22 judul buku baharu dilancarkan sebagai rujukan ilmiah yang menampilkan naratif Islam harmoni, progresif dan kontemporari. Majlis turut disusuli lawatan YB Menteri ke Pavilion Al-Falah di Pelantar Putra, Aras 2 WTCKL bagi meninjau reruai pameran agensi serta beramah mesra bersama warga kerja terlibat.



IKIM PERKUKUH JALINAN STRATEGIK BERSAMA KEMENTERIAN KOMUNIKASI



12 JUN — Delegasi IKIM diketuai Ketua Pengarah, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Komunikasi, YB Datuk Fahmi Fadzil di Putrajaya. Pertemuan membincangkan kerjasama strategik melibatkan penyiaran media IKIM serta pelaksanaan Pertandingan Video Pendek Kefahaman Islam Malaysia (VIPKI) 2025 sebagai platform kreatif menyampaikan mesej Islam. Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah, Dr. Mohd Zaidi Ismail; Pengarah Pusat Media, Tn. Haji Fuad; Pengurus Besar Bahagian Ekonomi & Pemasaran, En. Al-Iskandar Mokhtar; Pengurus Rancangan tvIKIM, En. Mohd Khairul Omar; serta Penerbit Rancangan Kanan tvIKIM, Pn. Nor Haffizah Razak.

SIMPOSIUM "ANCHORING ASEAN'S FUTURE IN SHARED WISDOM"

26 JUN — Simposium "Anchoring ASEAN's Future in Shared Wisdom: Empowering Communities for an Inclusive and Sustainable Civilisation" di Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Beliau turut menyampaikan ucapnama yang menekankan kepentingan kebijaksanaan bersama dalam membina komuniti inklusif dan tamadun lestari ASEAN, dengan kehadiran menteri, senator, tokoh akademik serta pemimpin masyarakat dalam dan luar negara.



04 JUN — IKIM dengan kerjasama JKWP & Putrajaya menganjurkan Kempen Gaya Hidup Sihat 2025, disempurnakan Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bersama Dr. Nor'aishah Abu Bakar. Program ini menyokong Program Komuniti Sihat Pembina Negara *Wellness of Workers* (KOSPEN WOW KKM) dengan pengisian seperti bual bicara berhenti merokok, pemeriksaan kesihatan, dan konsultasi pakar bagi membudayakan gaya hidup sihat berteraskan Islam.

10 JUN — Program Ibadah Korban IKIM 2025 telah berlangsung di perkarangan Bangunan Baitulhikmah IKIM dengan penyertaan warga kerja. Sebanyak dua ekor lembu dikorbankan, dan dagingnya diagihkan kepada penyumbang serta golongan memerlukan. Majlis disempurnakan oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil.

20 JUN — Sekumpulan pelajar pascasiswazah dari RZS CASIS UTM, diiringi Prof. Tatiana Denisova, sejarawan dan Felo Kehormat perpustakaan, telah mengadakan lawatan istimewa ke IKIM. Lawatan ini mengetengahkan Koleksi Etika dan Tamadun Islam serta menegaskan bahawa adab merupakan asas penting dalam pembinaan sesebuah tamadun.

24 JUN — Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2024, Anugerah Khidmat Setia IKIM 2025 dan Anugerah Setia Cemerlang IKIM 2025 berlangsung di Arkib Negara Malaysia, disempurnakan oleh Timbalan Pengerusi IKIM, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof Haji Othman bersama kepimpinan IKIM. Seramai 16 warga IKIM menerima pengiktirafan atas dedikasi dan sumbangan mereka.



SHEIKH QARI MUHAMMAD SAAD NOMANI MADANI KUNJUNGI IKIM



30 JUN — IKIM menerima kunjungan hormat Sheikh Qari Muhammad Saad Nomani Madani, ulama dan qari terkenal dari Madinah yang menguasai 100 gaya bacaan al-Quran. Beliau disambut Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bersama En. Mohd Erwan Johari dan En. Azizul Hakeem. Kehadiran beliau bagi rakaman segmen khas “*Special Interview With Sheikh Saad Nomani Madani*” yang berkongsi pengalaman serta seni bacaan al-Quran yang menginspirasi.

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA IKIM DAN UIAM



02 JULAI — Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah berlangsung di Bilik Persidangan, Pejabat Rektor UIAM. MoU dimeterai oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bersama Rektor UIAM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar, dengan disaksikan oleh Timbalan Pengerusi IKIM, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof bin Haji Othman serta barisan pimpinan UIAM. Kerjasama ini diharap dapat memperkukuh usaha memartabatkan kefahaman Islam secara bersepadu dan inklusif.

KUNJUNGAN HORMAT OLEH MUFTI PULAU PINANG

07 JULAI — IKIM menerima kunjungan hormat delegasi Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang diketuai oleh Mufti Pulau Pinang, Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki Othman. Pertemuan bersama Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah, Dr. Mohd Zaidi Ismail dan pegawai kanan IKIM bagi membincangkan kerjasama memperkukuh pembangunan kefahaman Islam di Malaysia.



01 JULAI — Delegasi IKIM diketuai Ketua Pengarah, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil mengadakan ziarah mahabbah ke kediaman Almarhum Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty di Bandar Baru Bangi bagi menzahirkan penghargaan atas jasa beliau serta menyantuni isteri, Datin Fauziah Amran, dan keluarga.

02 JULAI — IKIM menerima kunjungan keluarga Pengerusi, Almarhum Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, bersama pegawai pengiring. Lawatan merangkumi ziarah ke Pejabat Pengerusi, Perpustakaan Tun Ahmad Sarji, dan Konti Radio IKIMfm bagi rakaman khas mengenang jasa Almarhum.

04 JULAI — Program Induksi Warga Kerja Baharu IKIM 2025 anjuran BKP dan UMIN berlangsung selama dua hari di Dewan Sajian IKIM. Majlis pembukaan disempurnakan oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, dengan kehadiran Pn. Zawiah Md Sari dan Pn. Azhani Zakaria. Program ini memperkenalkan budaya kerja serta peranan dan tanggungjawab warga baharu IKIM.

04 JULAI — Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil dan Pengarah Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) Negeri Perak, Ustaz Ramdani bin Abd Karim menyertai forum Maal Hijrah 1447H di Ipoh yang menekankan peranan umat Islam dalam aspek rohani, sosial, dan pemeliharaan alam sekitar sebagai amanah Ilahi.



10 JULAI — Bengkel Mengenal Pasti Risiko Strategik dan Operasi dalam Daftar Risiko IKIM 2024–2028 telah diadakan di Blok D, IKIM bertujuan mengenal pasti risiko utama bagi memperkukuh pengurusan risiko, dengan kehadiran Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil; Timbalan Ketua Pengarah, Dr. Mohd Zaidi Ismail; dan Pengerusi Jawatankuasa Audit IKIM, Pn. Hajah Nur Hayati Baharuddin.

IKIM & MAIK PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK DUA HALA



08 JULAI — Delegasi IKIM diketuai Timbalan Pengerusi, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof bin Haji Othman, telah mengadakan kunjungan hormat ke Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) bertemu Timbalan Yang Dipertua, Dato' Haji Mohd Anis Hussein di Kota Bharu, Kelantan. Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi Ismail bersama pegawai kanan IKIM serta penyampai IKIMfm. Pertemuan ini memperkukuh hubungan strategik dan membincangkan kerjasama dalam memajukan kefahaman Islam di Kelantan.

DELEGASI HUI ISLAMIC HERITAGE CLASSIC SERAHKAN SUMBANGAN BUKU KEPADA IKIM



10 JULAI — Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar menerima kunjungan hormat delegasi Hui Islamic Heritage Classic dari Chengdu, China yang diketuai Mr. Na Zhijun. Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil yang turut hadir telah menerima sumbangan 235 jilid buku Ensiklopedia Islam di China sebagai tanda sokongan terhadap usaha IKIM dalam memperkasa ilmu dan warisan Islam.

INTERNATIONAL SEMINAR ON HUMANITY AND CLIMATE CHANGE CRISIS: A MULTIDIMENSIONAL PERSPECTIVE

29 JULAI — Majlis Perasmian *International Seminar on Humanity and Climate Change Crisis: A Multidimensional Perspective* pada 29–30 Julai 2025 di Kuching, Sarawak telah dirasmikan oleh YB Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Haji Junaidi mewakili YB Premier Sarawak. Turut hadir Timbalan Pengerusi IKIM, YBhg. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof Haji Othman; Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil; dan Timbalan Ketua Pengarah, Dr. Mohd Zaidi Ismail. Seminar menghimpunkan pakar dalam dan luar negara bagi membincangkan aspek kemanusiaan, etika, dan kelestarian dalam menghadapi krisis perubahan iklim global.



KURSUS ASAS PEMBANGUNAN DIRI & SAHSIAH MADANI: IBRAH DARIPADA KITAB AYYUHAH WALAD



07 OGOS— IKIM menganjurkan Kursus Asas Pembangunan Diri dan Sahsiah MADANI: Ibrah daripada Kitab Ayyuhai Walad karya Imam Al-Ghazali di Dewan Sajian IKIM, disampaikan oleh Fellow Kanan merangkap Pengarah Pusat SYARAK, Dr. Nik Roskiman Abdul Samad. Program ini menekankan pembentukan sahsiah berteraskan ilmu dan kerohanian menurut pandangan Imam Al-Ghazali, selari dengan prinsip MADANI. Turut diadakan forum bertajuk “Pembangunan Sahsiah Mengikut Imam Al-Ghazali” bersama Dr. Nik Roskiman dan Ustaz Iqbal Zain Al-Jauhari, dengan Pn. Hajah Mazlina Ismail sebagai moderator.

08 OGOS — Timbalan Pengerusi IKIM, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof Hj. Othman menyerahkan cek sumbangan kepada Datin Fauziah Amran, balu Almarhum Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty. Majlis turut dihadiri Ketua Pengarah, Ahli Lembaga Pengarah dan pegawai-pegawai IKIM sebagai penghargaan atas jasa besar Almarhum kepada IKIM di peringkat nasional dan antarabangsa.

12 OGOS — Mesyuarat Kajian Semakan Pengurusan (MKSP) Bil. 25/2025 bagi kajian pertengahan tahun telah diadakan di Bilik Persidangan Blok D, IKIM, dipengerusikan oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil. Turut hadir Pemangku Pengarah BKP, Pn. Zawiah Md Sari; serta Ketua Pegawai Tadbir merangkap Ketua UNIK. En. Gulam Haji Waris.

KUNJUNGAN HORMAT IKIM KE LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS)



09 OGOS — Delegasi IKIM diketuai Ketua Pengarah, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil telah mengadakan kunjungan hormat ke Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Tn. Haji Mohd Khaidzir Shahari bersama barisan pengurusan kanan. Perbincangan menumpukan kerjasama strategik dalam dakwah, pendidikan dan kebajikan ummah, termasuk pembangunan program berteraskan Maqasid Syariah, pengukuhan kesedaran zakat dan wakaf, serta inisiatif media dan penyelidikan untuk manfaat komuniti.

PEMBENTANGAN KERTAS HUKUM ISU PEMBEKUAN SEL SPERMA & OVUM ATAS SEBAB PERUBATAN

09 OGOS — Kertas hukum bertajuk “Pertimbangan Hukum Berkenaan Pembekuan Sel Sperma dan Ovum Daripada Individu Yang Belum Berkahwin Atas Sebab Perubatan Menurut Perspektif Islam” hasil penyelidikan IKIM telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-150 dan turut dikemukakan dalam Muzakarah MKI Kali Ke-127 di Johor Bahru pada 18 Jun 2025.

Usaha tersebut adalah hasil kerjasama strategik antara IKIM, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, KKM serta beberapa universiti tempatan.



KUNJUNGAN HORMAT IKIM KE MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)

12 OGOS — Delegasi IKIM diketuai Ketua Pengarah, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, telah mengadakan kunjungan hormat ke Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan disambut Setiausaha, Tn. Haji Mohd Sabirin Sarbini. Pertemuan membincangkan kerjasama strategik dalam pendidikan, penyelidikan, penerbitan dan media Islam bagi memperkukuh kefahaman Islam dalam masyarakat.

MAJLIS CENDEKIAWAN MADANI MALAYSIA-INDONESIA (MALINDO MADANI) MEMPERKUKUH PERADABAN SERUMPUN

22 OGOS— Pertemuan perdana Majlis Cendekiawan MADANI Malaysia-Indonesia (MALINDO MADANI) 2025 pada 22-24 Ogos di IAIS Malaysia, Kuala Lumpur telah menghimpunkan 99 cendekiawan dari kedua-dua negara dan menghasilkan Deklarasi MALINDO MADANI sebagai ikhtiar membangun peradaban MADANI yang relevan dengan cabaran semasa.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar dalam satu majlis makan malam, manakala sesi penutup disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama, YB Senator Dr. Zulkifli Hasan.

Program turut diserikan dengan solat Jumaat di Masjid Putra dan jamuan ringkas bersama YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, sekali gus memperkukuh silaturahim antara cendekiawan serumpun, seterusnya mengeratkan hubungan intelektual serta persaudaraan serumpun.



PENYERAHAN DEKLARASI CENDEKIAWAN MADANI (MALINDO MADANI) KEPADA YAB PERDANA MENTERI



22 OGOS — YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim menerima Deklarasi Majlis Cendekiawan MADANI Malaysia-Indonesia (MALINDO MADANI) dalam satu majlis ringkas usai solat Jumaat di Masjid Putra, Putrajaya. Deklarasi yang mengandungi lima tonggak utama itu diserahkan oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bersama Pengerusi Pusat Dialog dan Kerjasama Antara Tamadun Indonesia, Prof. Dr. M. Din Syamsuddin. Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar.

Deklarasi Majlis Cendekiawan MADANI Malaysia-Indonesia (MALINDO MADANI) 2025 itu disifatkan sebagai rangkuman terbaik disediakan para cendekiawan kedua-dua negara dalam mendukung konsep MADANI.

IKIMfm RAIH PENGIKTIRAFAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA



IKIM sekali lagi mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa apabila Podcast Radio IKIMfm menerusi rancangan Sit & Seek berjaya merangkul Anugerah Asia Pacific Broadcasting+ Awards 2025 bagi kategori Radio Podcast Malaysia. Anugerah ini disampaikan pada Majlis Anugerah Asia Pacific Broadcasting+ yang berlangsung di Crowne Plaza, Changi Airport, Singapura. Ia merupakan pengiktirafan berprestij yang menghimpunkan stesen radio dan pengamal media terbaik dari seluruh Asia Pasifik. Anugerah diterima oleh Pegawai Teknologi Maklumat Kanan selaku Penerbit, En. Mohamad Zainal Mohd Ghani dan Pegawai Teknologi Maklumat selaku hos, Pn. Nurul Izzati binti Zakariah.



Selain itu, radio IKIMfm turut mencatatkan kemenangan di peringkat nasional apabila dinobatkan sebagai pemenang tempat pertama bagi Anugerah Media Radio dalam Majlis Anugerah Media Agrobank 2024/2025 anjuran Agrobank dan Malaysia Press Institute (MPI). Kemenangan itu diterima oleh Penerbit dan Penyampai Radio, Siti Rohani Surani, melalui rancangan Agro Bisnes bertajuk “Agroekologi untuk Agribisnes Lestari”. Kandungan rancangan tersebut mengupas pendekatan agroekologi sebagai strategi kelestarian dalam sektor agribisnes, yang berjaya memikat hati panel juri.

IKIMfm JAYAKAN JELAJAH MAHABBAH MADANI PERKUKUH PERSAHABATAN SERUMPUN

Delegasi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) mengadakan Jelajah Mahabbah MADANI ke Jakarta bagi memperkukuh hubungan persahabatan dan kerjasama strategik Malaysia-Indonesia. Lawatan diketuai oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil dengan misi memperluas kerjasama dalam pendidikan, penyiaran dan diplomasi budaya.

Antara pengisian utama ialah Khabar Orang Muda IKIMfm bersama Universitas Nasional Jakarta (UNAS), bertajuk “Kampus Tanpa Dinding: Model Pendidikan Untuk Gen Z” serta Forum Bicara Ad-Din bersama tokoh Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah mengenai peranan institusi agama dalam membina keharmonian serantau.

Delegasi turut mengadakan pertemuan dengan Radio Republik Indonesia (RRI) untuk membincangkan peluang kerjasama dalam bidang penyiaran, serta melawat Masjid Istiqlal dan Terowong Silaturahmi yang menghubungkannya dengan Gereja Katedral Jakarta, simbol toleransi dan keharmonian beragama di Indonesia. Jelajah ini melambangkan aspirasi Malaysia MADANI dalam memupuk kasih sayang, persefahaman dan kerjasama bermanfaat antara kedua-dua negara.



SEKALUNG TAHNIAH



Setinggi-tinggi
Tahniah
diucapkan kepada
Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil
(Ketua Pengarah IKIM)
atas pelantikan sebagai
Panel Penasihat Industri/Komuniti (ICAP)
Pusat Pengajian Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia (USM)
berkuatkuasa pada
01 OGOS 2025

Ahli Dewan
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI
Religius Berkeadilan

IKIMfm TVIKIM  www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia



Setinggi-tinggi
Tahniah
diucapkan kepada
Dato' Haji Mohammad Sahar bin Mat Din
atas pemilihan baharu sebagai
AHLI LEMBAGA PENGARAH
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
berkuatkuasa pada
24 JUN 2025

Ahli Dewan
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI

IKIMfm TVIKIM  www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia



Setinggi-tinggi
Tahniah
diucapkan kepada
Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin
atas pemilihan semula sebagai
AHLI LEMBAGA PENGARAH
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
berkuatkuasa pada
24 JUN 2025

Ahli Dewan
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI

IKIMfm TVIKIM  www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia



Setinggi-tinggi
Tahniah
diucapkan kepada
Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob
atas pemilihan semula sebagai
AHLI LEMBAGA PENGARAH
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
berkuatkuasa pada
24 JUN 2025

Ahli Dewan
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI

IKIMfm TVIKIM  www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia




Setinggi-tinggi
Tahniah
diucapkan kepada
Siti Rohani binti Surani
Penerbit Rancangan Radio IKIMfm
atas penanugerahan
JOHAN
Kategori Anugerah Media
MAJLIS ANUGERAH MEDIA
AGROBANK 2024/2025
pada
21 MEI 2025

AGRO BANK

JUARA
ANUGERAH MEDIA RADIO
SITI ROHANI SURANI
ikimfm

Ahli Dewan
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI

IKIMfm TVIKIM  www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia



Setinggi-tinggi
Tahniah
diucapkan kepada
Nurul Izzati binti Zakariah & Mohamad Zainal B. Mohd Ghani
Pegawai Teknologi Maklumat
menerima rancangan
Sit & Seek Podcast
atas penerimaan anugerah
Radio Podcast - Malaysia
Asia Pacific Broadcasting Awards 2025
pada
28 MEI 2025

SIT & SEEK PODCAST

Radio Podcast - Malaysia
IKIMfm Radio

APB+ ASIA-PACIFIC BROADCASTING AWARDS 2025

Ahli Dewan
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI

IKIMfm TVIKIM  www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia

Layanan Islam terhadap HAIWAN LIAR

Haiwan liar adalah sebahagian penting dalam ekosistem. Mereka bukan sahaja menyumbang kepada keseimbangan alam, malah mempunyai hak untuk hidup dengan aman di habitat semula jadi mereka. Islam, undang-undang negara, dan nilai kemanusiaan semuanya menegaskan larangan menyakiti haiwan tanpa sebab yang sah.

Hadis yang diriwayatkan oleh Amru bin Syarid RA, Sabda Nabi SAW:

مَنْ قَتَلَ عُصْفُورًا عَبَثًا عَجَّ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَقُولُ يَا رَبِّ إِنَّ فُلَانًا قَتَلَنِي عَبَثًا وَلَمْ يَنْفَعْنِي لِمَنْفَعَةٍ

Maksudnya: Barangsiapa yang membunuh burung kecil tanpa sebab, ia akan mengadu kepada Allah SWT pada hari kiamat dan berkata: Wahai Tuhan, sesungguhnya si fulan telah membunuhku dengan sia-sia tanpa sebab dan tidak membunuhku kerana sebarang manfaat.

Sunan al-Nasa'i (4446)

Undang-Undang di Malaysia

Mengikut Akta Pemuliharaan Haiwan Liar 2010 (Akta 716):

Adalah satu kesalahan untuk membunuh, menangkap atau menyakiti haiwan liar yang dilindungi.

Hukuman termasuk denda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga 3 tahun (bergantung pada spesies).

Contoh Perbuatan Dilarang:

- Membaling batu kepada moryet, burung atau binatang.
- Mengganggu sarang haiwan liar seperti burung hantu atau lebah liar.
- Menyebarkan racun atau memasang perangkap sembarangan di kawasan hutan.
- Menyimpan haiwan liar sebagai peliharaan tanpa lesen.

Apa Yang Boleh Dilakukan:

- Laporkan kepada pihak berkuasa jika nampak persekitaran haiwan.
- Elakkan memberi makanan yang tidak sesuai kepada haiwan liar.
- Ditik anak-anak agar menghormati semua makhluk.
- Sokong pemuliharaan hutan dan habitat semula jadi.

6 Keadaan GHIBAH YANG DIBOLEHKAN

Ghibah (mengumpat) secara umum dilarang dalam Islam kerana ia bermaksud **menyebut keburukan seseorang di belakangnya**. Namun, para ulama menjelaskan bahawa terdapat enam keadaan yang dibolehkan menyebut aib orang lain (ghibah), jika ia dilakukan dengan niat yang dibenarkan oleh syarak. Ini berdasarkan penjelasan Imam al-Nawawi dalam kitab al-Adzkar dan Riyad al-Salihin.

1. Mengadu Kezaliman

Menceritakan kezaliman yang dialaminya kepada pihak berautoriti seperti hakim, polis, ketua jabatan atau mana-mana pihak yang mampu mengembalikan haknya.

3. Meminta Fatwa atau Nasihat Agama

Mendedahkan masalah yang melibatkan orang lain apabila meminta pandangan hukum syarak daripada ulama.

5. Menyebut Kesalahan Orang Melakukannya Terang-Terangan

Jika seseorang melakukan maksiat secara terbuka dan tanpa rasa malu, maka dibolehkan menyebut perbuatan buruk itu kerana dia sendiri tidak lagi menjaga aibnya.

2. Meminta Bantuan Mengubah Kemungkaran

Menyebut keburukan seseorang jika bertujuan untuk meminta bantuan dalam mencegah maksiat atau memperbaiki keadaan.

4. Memberi Amaran Kepada Orang Lain

Islam membenarkan seseorang memberi amaran atau nasihat kepada orang lain bagi mengelakkan mereka tertipu, ditipu atau mendapat mudarat daripada individu tertentu.

6. Tujuan Pengenalan Jika Perlu (Identiti)

Dibenarkan menyebut kekurangan fizikal seseorang sekiranya ia menjadi satu-satunya cara untuk mengenal pasti individu tersebut, seperti menyebut "si buta", "si tempang" atau "si pendek".

Manfaatkan WAKTU LAPANG

Ibn Abbas meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:-

نِعْمَتَانِ مَغْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ الصِّحَّةُ وَالْفَرَاغُ

"Dua kenikmatan yang sering dilupakan oleh kebanyakan manusia adalah kesihatan dan waktu lapang."

(Riwayat al-Bukhari)

Waktu lapang adalah anugerah yang sering tidak dihargai. Ramai hanya menyedari nilainya setelah ia hilang. Ketika kita masih sihat dan tidak dibebani kesibukan, inilah masa terbaik untuk memperbanyak amal soleh dan berbakti kepada keluarga & masyarakat.

Islam mendidik kita untuk menjadi hamba yang bijak mengurus waktu. Waktu lapang bukan semata-mata untuk hiburan atau rehat tanpa arah, tetapi peluang untuk membina diri dan menambah bekalan akhirat. Setiap detik yang digunakan dengan baik menjadi saham berharga di sisi Allah.

Jadikan masa lapang yang ada sebagai peluang untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, memperbaiki diri, dan menambahkan amal soleh, kerana ia tidak akan kembali lagi.

Menghindari GHULU & KULTUS

Allah SWT berfirman:

اَفَكُنْتُمْ اِلٰهًا كَمَا تَدَّعٰى ذُنُوْبُكُمْ وَالَّذِي لَمْ يَكُنْ اِلٰهًا سِوَايَ اللَّهِ فَتَعْبُدُوْهُ غُلُوًّا كَبِيْرًا ۚ اِنَّكُمْ كَانْتُمْ اَعْمٰى ۚ

Mereka menjadikan orang-orang alim dan rahib-rahib mereka sebagai pendidik-pendidik selain dari Allah, dan juga (mereka mempersembahkan) Al-Mabek, ibni Marsum, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk mengabdikan Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan. (QS Al-Taubah:31)

Dalam dunia hari ini yang semakin kompleks, muncul kumpulan-kumpulan yang mengangkat seseorang pemimpin atau guru agama secara berlebihan. Mereka ditaati tanpa soal, dianggap maksum, malah ada bersikap yang sampai disentuh secara halus, inilah yang dikenali sebagai fenomena ghuluw (melampaui batas) dalam bentuk kultus, satu bentuk ketaksabaran secara berkumpulan yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Islam menyeru umatnya agar memelihara tauhid yang tulen, hanya meletakkan pergantungan dan ketaatan mutlak kepada Allah SWT. Pemimpin agama boleh dihormati dan diikuti, tetapi bukan dipertuhankan. Ajaran Islam yang benar sentiasa terbuka untuk ditegus, tidak mengasingkan pengikut daripada masyarakat, dan tidak memusuhi sesiapa yang tidak bersetuju dengan mereka.

GIRI-GIRI KULTUS MELAMPAUI BATAS AGAMA

Pemimpin dianggap maksum atau "orang terpilih". Tidak boleh ditegur, seolah-olah bebas dari dosa dan kesalahan.

Arahan pemimpin wajib dipatuhi tanpa soal walaupun bertentangan dengan hukum syarak.

Menjauhkan diri daripada keluarga, masyarakat, atau institusi kerana "mereka tidak faham agama sebenar".

Ada ilmu "tinggi" atau zikir tertentu yang hanya untuk ahli terpilih, tidak berdasarkan al-Quran dan sunnah.

Pemimpin dianggap-agungkan secara melampau, gambar dikalungkan, kata-katanya dianggap wahyu.

Perjumpaan dibuat secara sulit; pengikut tidak dibenarkan mendedahkan maklumat kepada orang luar.

Mengafirkan atau menyeksatkan

Jumaat BERSAMA AL-KAHFI

Daripada Abu Sa'id al-Khudri RA, Nabi SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَافِي فِي يَوْمِ الْجُمُعَةِ أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّوْرِ مَا بَيْنَ الْجُمُعَتَيْنِ

"Sesiapa yang membaca surah al-Kahfi pada hari Jumaat Allah akan meneranginya dengan cahaya sepanjang masa di antara dua Jumaat."

Hadis Riwayat al-Hakim (3392), dan al-Baihaqi (5996)

Surah Al-Kahfi merupakan salah satu permatia berharga dalam Al-Quran yang menyimpan keberkatan dan keutamaan luar biasa bagi pembacanya. Membacanya pada hari Jumaat khususnya akan memberikan cahaya yang memancar antara dua Jumaat, menerangi perjalanan spiritual dan kehidupan seharian kita.

Selilas PESAN

Ujian Kemiskinan Itu Getir, tetapi Ujian Kekayaan Jauh Lagi Berat

Rasulullah SAW bersabda:

“”

Bergembiralah dan harapkanlah perkara yang menggembirakan kalian. Demi Allah! Bukanlah kemiskinan yang aku bimbangkan terhadap kalian. Tetapi aku bimbang dunia akan dibentangkan kepada kalian sebagaimana ia telah dibentangkan kepada umat-umat sebelum kalian, lalu kalian berlumba-lumba mengejarnya sebagaimana mereka telah berlumba-lumba, sehingga akhirnya dunia itu membinasakan kalian sebagaimana ia telah membinasakan mereka. (HR. Bukhari & Muslim)

Kekayaan sering kali membawa kepada kehancuran dan kebinaasan apabila tidak disertai dengan keimanan yang teguh terhadap kekuasaan Allah. Apabila seseorang terlalu sibuk dengan urusan dunia sehingga melupakan negeri akhirat, maka hartanya tidak akan mampu menyelamatkannya daripada azab Allah di akhirat kelak.

Sesungguhnya, harta yang diberikati ialah harta yang digunakan untuk berseadakah, membantu perjuangan dakwah Islam, dan berjihad di jalan Allah. Inilah harta yang baik lagi diberikati. Wallahualam.

LIPUTAN AKHBAR

PERSPEKTIF AGAMA

Generasi celik ilmu bermula dengan budaya membaca



Nur Muhammad Azim Norazizi
Pegawai Penyelidik, Pusat KIAS dan En. Mohd Noor Omar

Sekolah, Prestasi Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAAKL) menjadi medium penting untuk membentuk generasi celik ilmu. Namun, persembahan generasi celik ilmu adalah satu tanggungjawab yang besar. Kita juga perlu mengaitkan persembahan masa dengan budaya membaca. Budaya membaca adalah satu budaya yang penting untuk membentuk generasi celik ilmu. Budaya membaca adalah satu budaya yang penting untuk membentuk generasi celik ilmu.

Sebagai penerbit, PBAAKL telah menerbitkan banyak buku yang berkaitan dengan budaya membaca. Buku-buku ini adalah untuk membentuk generasi celik ilmu. Buku-buku ini adalah untuk membentuk generasi celik ilmu.

Sebagai penerbit, PBAAKL telah menerbitkan banyak buku yang berkaitan dengan budaya membaca. Buku-buku ini adalah untuk membentuk generasi celik ilmu. Buku-buku ini adalah untuk membentuk generasi celik ilmu.

Nur Muhammad Azim Norazizi, Pegawai Penyelidik, Pusat KIAS berkongsi pandangan dalam ruangan akhbar Berita Harian bertajuk “Generasi Celik Ilmu Bermula Dengan Budaya Membaca” pada 1 Jun 2025 (Ahad).

14 Rencana

Fokus kesihatan mental dalam Sidang Kemuncak Khas ASEAN-AS



ASEAN 2025
ASEAN 2025
ASEAN 2025



Khairul Azhar Idris, Fellow Pusat EMAS berkongsi pandangan bertajuk “Fokus kesihatan mental dalam Sidang Kemuncak Khas ASEAN-AS” dalam ruangan akhbar Utusan Malaysia pada 23 Mei 2025 (Jumaat).

SEIDANG Kemuncak ASEAN-AS yang berlangsung di Kuala Lumpur, 21-23 Mei 2025, memberi ruang yang luas untuk menggariskan fokus kesihatan mental dalam agenda domestik negara ASEAN pada Sidang Kemuncak Khas ASEAN-AS. Fokus kesihatan mental dalam agenda domestik negara ASEAN pada Sidang Kemuncak Khas ASEAN-AS.

Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM & En. Mohd Noor Omar, Fellow Pusat SYARAK berkongsi pandangan dalam ruangan akhbar Utusan Malaysia pada 23 Mei 2025 (Jumaat).

SEMPENA PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (PBAAKL) 2025

Menulis, membaca medan kesinambungan tradisi cendekiawan



Khairul Azhar Idris
Fellow Pusat EMAS



Menulis, membaca medan kesinambungan tradisi cendekiawan. Menulis, membaca medan kesinambungan tradisi cendekiawan. Menulis, membaca medan kesinambungan tradisi cendekiawan.

14 Rencana

Masa hadapan ASEAN terletak pada tindakan hari ini



Muhammad Khairi Zainal, Pegawai Penyelidik, Pusat EMAS berkongsi pandangan bertajuk “Masa hadapan ASEAN terletak pada tindakan hari ini” dalam ruangan akhbar Utusan Malaysia pada 13 Jun 2025 (Jumaat).



Masa hadapan ASEAN terletak pada tindakan hari ini. Masa hadapan ASEAN terletak pada tindakan hari ini. Masa hadapan ASEAN terletak pada tindakan hari ini.

Kafarah jadi penebus dosa, penguat takwa dalam keadilan moden

Oleh Prof Madya Dato' Dr Mohamed Azam Mohamed Adil

Iskender penebus dosa menurut agama merupakan konsep yang ada dalam semua agama. Namun, dalam Islam, konsep ini lebih kompleks dan mendalam. Menurut Al-Furqan, Al-Furqan adalah penerang yang menunjukkan jalan yang benar dan lurus. Dalam Islam, kafarah adalah perbuatan baik yang dilakukan untuk memaafkan dosa-dosa yang telah dilakukan. Kafarah juga merupakan salah satu cara untuk mencapai keadilan moden.

Kafarah adalah perbuatan baik yang dilakukan untuk memaafkan dosa-dosa yang telah dilakukan. Kafarah juga merupakan salah satu cara untuk mencapai keadilan moden. Kafarah adalah perbuatan baik yang dilakukan untuk memaafkan dosa-dosa yang telah dilakukan. Kafarah juga merupakan salah satu cara untuk mencapai keadilan moden. Kafarah adalah perbuatan baik yang dilakukan untuk memaafkan dosa-dosa yang telah dilakukan. Kafarah juga merupakan salah satu cara untuk mencapai keadilan moden.

Kafarah adalah perbuatan baik yang dilakukan untuk memaafkan dosa-dosa yang telah dilakukan. Kafarah juga merupakan salah satu cara untuk mencapai keadilan moden. Kafarah adalah perbuatan baik yang dilakukan untuk memaafkan dosa-dosa yang telah dilakukan. Kafarah juga merupakan salah satu cara untuk mencapai keadilan moden. Kafarah adalah perbuatan baik yang dilakukan untuk memaafkan dosa-dosa yang telah dilakukan. Kafarah juga merupakan salah satu cara untuk mencapai keadilan moden.

Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM berkongsi pandangan dalam ruangan akhbar Berita Harian bertajuk "Kafarah Jadi Penebus Dosa, Penguat Taqwa Dalam Keadilan Moden" pada 15 Jun 2025 (Ahad).

Kesedaran masyarakat benteng terakhir bela keadilan rakyat Palestin



KEBANGKITAN masyarakat dunia memuncak berjayai pada Palestin dalam kesedaran.

“SEKATAN bertembak dalam kesedaran masyarakat dunia memuncak berjayai pada Palestin dalam kesedaran. Kesedaran masyarakat dunia memuncak berjayai pada Palestin dalam kesedaran. Kesedaran masyarakat dunia memuncak berjayai pada Palestin dalam kesedaran. Kesedaran masyarakat dunia memuncak berjayai pada Palestin dalam kesedaran.

Kesedaran masyarakat dunia memuncak berjayai pada Palestin dalam kesedaran. Kesedaran masyarakat dunia memuncak berjayai pada Palestin dalam kesedaran. Kesedaran masyarakat dunia memuncak berjayai pada Palestin dalam kesedaran. Kesedaran masyarakat dunia memuncak berjayai pada Palestin dalam kesedaran.

Cik Wan Roslili bt. Abd Majid berkongsi pandangan dalam ruangan akhbar Utusan Malaysia bertajuk "Kesedaran Masyarakat Benteng Terakhir Bela Keadilan Rakyat Palestin" pada 3 Julai 2025 (Khamis).

Jangan terlepas pandang revolusi makanan moden dari lensa syariah



TEKNOLOGI makanan moden harus dihadapi dengan ilmu, hikmah dan iman.

“Pinsip halalan tayyiban khususnya sudut halal dari segi buhuk dan baik dari segi kualiti serta manfaat kayu ulur utama dalam menentukan makanan sesuatu makan yang umat Islam.”

Kebudayaan yang melampaui zaman dan proses transformasi yang berlaku pada setiap aspek kehidupan manusia, termasuk dalam bidang makanan. Makanan moden adalah hasil daripada kemajuan teknologi dan sains. Namun, dalam Islam, makanan moden harus dihadapi dengan ilmu, hikmah dan iman.

Norkumala Awang, Fellow, Pusat KIAS berkongsi pandangan dalam ruangan akhbar Utusan Malaysia bertajuk "Jangan Terlepas Pandang Revolusi Makanan Moden dari Lensa Syariah" pada 19 Jun 2025 (Khamis).

Malaysia perlu jadi pelopor reformasi struktur OIC

Oleh Najwa Abd Ghafar

Malaysia perlu menjadi pelopor dalam reformasi struktur Organisasi Kerjasama Islam (OIC). Malaysia perlu menjadi pelopor dalam reformasi struktur Organisasi Kerjasama Islam (OIC). Malaysia perlu menjadi pelopor dalam reformasi struktur Organisasi Kerjasama Islam (OIC). Malaysia perlu menjadi pelopor dalam reformasi struktur Organisasi Kerjasama Islam (OIC).

Malaysia perlu menjadi pelopor dalam reformasi struktur Organisasi Kerjasama Islam (OIC). Malaysia perlu menjadi pelopor dalam reformasi struktur Organisasi Kerjasama Islam (OIC). Malaysia perlu menjadi pelopor dalam reformasi struktur Organisasi Kerjasama Islam (OIC). Malaysia perlu menjadi pelopor dalam reformasi struktur Organisasi Kerjasama Islam (OIC).

Di tengah-tengah kegalangan kuasa besar melindungi rakyat Palestin, Malaysia muncul sebagai suara moral yang penting di arena antarabangsa.

Dr. Najwa Abd Ghafar, Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat EMAS berkongsi pandangan bertajuk "Malaysia perlu jadi pelopor reformasi struktur OIC" dalam ruangan akhbar Berita Harian pada 30 Jun 2025 (Isnin).



BULETIN IKIM

Edisi 2 | Mei - Ogos 2025



Penasihat:

Nik Hasnah Ismail

Pengarang:

Shahrul Ridzuan Shafie

Jurugambar:

Fathulmungin Mohd Yusof

Pencetak:

**BRIMAS Enterprise, No. 40A,
Jalan Selaseh Indah, Taman Selasih,
68100, Batu Caves, Selangor**

Edaran:

**Unit Komunikasi Korporat
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)**